

Terima PhD selepas tiada

Serdang: "Walaupun dia dah tak ada tetapi saya bersyukur hajat dia untuk jadi doktor falsafah tercapai juga," kata Noor Asmat Hassan, 35, yang mewakilkan suaminya, Hazril Azmin Saari menerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Teknik dan Vokasional pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-38, di sini, semalam.

Hazril Azmin tidak sempat melalui detik manis itu bersama keluarganya kerana meninggal dunia

akibat kanser tisu tulang tahap empat pada 1 Jun lalu.

Menurut Noor Asmat, ketika hantunya, arwah suaminya itu berusaha keras untuk mengejar cita-citanya bergelar doktor.

"Saya masih ingat, kalau buat

NOOR Asmat bersama anaknya melihat PhD yang diterima bagi pihak arwah suaminya.



tesis dia akan fokus sampai habis.

"Malah, walaupun sakit arwah masih sempat fikir sama ada dia sempat atau tidak membentangkan tesisnya kepada panel penilai.

"Hari ini (semalam) saya tunai-kan hajat dia. Terima kasih kepada pihak UPM kerana cuba anugerahkan juga dia PhD walaupun dia dah tak ada lagi," katanya sebak.

Mengimbau pemergian Hazril Azmin, Noor Asmat berkata, ketika itu mereka bersama dua anak Noor Hanania Faqeah, 7, dan Muhamad Firas Hijazi, 5, bercuti di kampung halaman mereka di Jerantut, Pahang.

"Walaupun doktor berpesan suapa bersedia, tetapi saya tak fikir dia akan pergi secepat ini kerana kami usahakan mengubatinya dengan cara kampung dan moden.

"Dia hanya sempat meminta jangan bersedih dan berpesan menjaga anak dengan baik selain tunai solat pada awal waktu," katanya.

Sementara itu, Anna Arina Ab Halim, 24, dari jurusan Sarjana Muda Pertanian menyifatkan kejayaannya memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.75 di luarjangkaan.

Selain cemerlang dalam akademik, gadis berasal dari Pasir Mas, Kelantan itu turut aktif dalam kegiatan di kampus sekali gus melayakkannya merangkul tiga anugerah iaitu Pingat Emas Canselor, Emas Profesor Emeritus Tan Sri Dr Rashdan Baba dan Agribio dalam konvokesyen berkebaikan.